

# IQRA'



جامعة  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقرل

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



ibraryuitm



library.uitm.edu.my



**m/s 9**  
*Live@PTAR Bicara Khas Sempena Festival Semarak KLWBC 2020 Peringkat Kebangsaan:  
“Membaca Meningkatkan Nilai Diri”*



**m/s 17**  
*Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Ptar Kampus Permatang Pauh, Cawangan Pulau Pinang*



**m/s 10**  
*Live@PTAR Bicara Pakar:  
“Peranan Majlis Raja-Raja Dalam Pentadbiran Negara”*



**m/s 14**  
*Majlis Kemuncak Program Khidmat Masyarakat: Misi IQRA PTAR UITM Cawangan Pulau Pinang*



**m/s 20**  
*World #QuranHour 2021/1442H Peringkat UITM Cawangan Perak*

Program World #QuranHour 2021/1442H peringkat UiTM Cawangan Perak telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Islam UiTM Perak melibatkan warga UiTM Cawangan Perak pada 28 April 2021 bersamaan 16 Ramadhan 1442H. Program ini membawa misi Surah Al-Mulk sebagai pengisian rohani sempena bulan Ramadhan. Sesi pendaftaran peserta bermula seawal jam 5.30 petang manakala sesi Satu Jam Bersama Al-Quran berlangsung pada jam 6.00 petang.



World #QuranHour 2021/1442H peringkat UiTM Cawangan Perak dijalankan bersempena Nuzul al-Quran. Tadabbur & Tazakkur Surah al-Mulk yang merupakan surah pilihan World #QuranHour 2021 diketuai oleh Ustaz Mohd Norzarir Arshad, Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Perak manakala bacaan surah Al-Mulk oleh Ustaz Ahmad Muaz Ahmad Othman, Ustaz Mohd Zaki Ahmed Fauzi & Ustaz Nawawi Abdul Rahman masing-masing daripada Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Perak.

Program yang merupakan anjuran bersama Unit Hal Ehwal Islam, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Unit Pengurusan Kolej dan Town & Regional Planning Society (TRIPS) ini juga turut disiarkan secara langsung melalui FB Live Perpustakaan UiTM Perak. Sebanyak 155 yang menonton melalui siaran langsung berjaya direkodkan oleh penganjur manakala jumlah keseluruhan peserta bagi program ini adalah seramai 287 orang peserta.

Adalah diharapkan agar program ini mencapai objektifnya dan para peserta berupaya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari secara istiqamah dalam kehidupan sehari-hari masing-masing.

